

Rancangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat

SELARAS matlamat Dasar Pembangunan Nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian yang maju, Rancangan Fizikal Negara (RFN) diwujudkan bagi menyokong dan menterjemahkan Dasar Pembangunan Nasional dalam konteks spatial.

Pembangunan dan struktur ekonomi yang menekankan kepada perindustrian membawa kepada perubahan struktur spatial dalam negara di mana jika tidak dirancang secara komprehensif akan berlaku pembangunan *ad hoc* yang mungkin akan menimbulkan kesan negatif.

Sehubungan itu matlamat RFN Ke-2 adalah: "Pembentukan satu rangka spatial negara yang efisien, saksama dan mapan untuk memandu pembangunan keseluruhan negara ke arah mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020".

Selaras Program Transformasi Ekonomi ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi, struktur dimensi fizikal negara perlu rasional dan sesuai bagi membolehkan ia membantu mencapai pertumbuhan ekonomi berdaya saing. Justeru RFN Ke-2 menganjurkan konsep *Concentrated Decentralisation* sebagai strategi pembangunan negara. Ia bertujuan mewujudkan persekitaran kondusif bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara iaitu selaras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Strategi ini memberi fokus

RFN adalah suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi maksud menentukan arah tuju pemajuan fizikal hingga 2020

conurbation lain yang merupakan kawasan paling berdaya saing dan tersedia dengan rangkaian pengangkutan, infrastruktur dan perkhidmatan. Ini selaras RMK10 yang melihat aglomerasi bandar sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi

ii. Pembangunan Wilayah Lebih Seimbang

RFN Ke-2 turut menekankan supaya pembangunan perlu difokuskan kepada lokasi-lokasi tertentu di sepanjang koridor yang berpotensi iaitu koridor utara selatan (pantai barat), koridor pantai timur dan koridor tengah serta koridor-koridor sekunder yang lain. Ini bagi mewujudkan pembangunan yang lebih inklusif dan seimbang.

Seiring semangat 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; RFN Ke-2 memastikan semua rakyat menikmati pembangunan negara dengan menekankan kawasan-kawasan yang sebelum ini ketinggalan akan dibangunkan dan diseimbangkan dengan menyediakan sistem perhubungan dan sistem pengangkutan yang efisien disamping menggalakkan pembangunan ekonomi setempat yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat global. RFN Ke-2 turut memainkan peranan dalam menyokong pelaksanaan NKRA seperti berikut-

- Penyediaan infrastruktur asas luar bandar dan
- Menambahbaik sistem



KERAJAAN menitikberatkan pembangunan negara berlandaskan perancangan komited bagi menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020.

kepada 2 perkara utama.

i. Meningkatkan Daya Saing Negara

Bagi tujuan mempertingkatkan daya saing negara, pembangunan perlu fokus kepada *conurbation* utama yang akan menjadi pusat utama bagi pelaburan asing dan tempatan iaitu Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru dan Kuantan serta

dalam usaha kerajaan menjadi negara berpendapatan tinggi. Dari segi pembangunan industri, setiap *conurbation* akan menjadi tumpuan kluster perindustrian. RFN Ke-2 mencadangkan jenis kluster perindustrian dalam kawasan *conurbation* yang menyokong bidang pertumbuhan sasaran yang dikenalpasti dalam IMP3 (Third Industrial Master Plan).

pengangkutan awam bandar.

Dalam usaha ini RFN Ke-2 mengunjurkan keperluan membangunkan sistem pengangkutan bersepadu di semua pusat bandar utama, memperluaskan rangkaian jalan raya negara ke luar bandar dan antara wilayah serta memastikan sistem kemudahaan tempatan yang cekap.

JPBD di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

PENYEDIAAN RFN Ke-2 adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). Jabatan ini adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak Mac 2005, jawatan Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia dipegang oleh Datuk Mohd Fadzil Mohd Khir.

Fungsi JPBD Semenanjung Malaysia

- Bertindak sebagai penasihat kepada kerajaan pusat dalam semua perkara berkaitan perancangan, pembangunan dan penggunaan tanah.
- Bertindak sebagai urus setia Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 2001), Akta A1129
- Mewujudkan sistem perancangan yang menyeluruh, efektif dan efisien menerusi perundangan, penyelidikan, pialaiaan dan prosedur

perancangan

- Menterjemah dasar sosio ekonomi negara ke dimensi spatial melalui penggubalan RFN dan lain-lain dasar atau perancangan
- Memberi bantuan kepada pihak berkuasa tempatan dan agensi lain dalam menyediakan rancangan kemajuan seperti Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas
- Menyedia, mengemaskini dan menerbitkan perangkaan, buletin dan garis panduan perancangan bandar dan desa

Kehidupan berkualiti prasarana strategik

MENERUSI RFN Ke-2 lebih banyak pembangunan fizikal dilaksanakan bagi mewujudkan kehidupan yang lebih berkualiti di bandar, pekan dan kawasan pedalaman. Setiap kawasan berpotensi di negara ini dibangunkan dengan persekitaran yang lebih terancang dan berkualiti. Secara tidak langsung ia menjadikan Malaysia negara yang sesuai untuk didiami, bekerja dan melancong.

Lima objektif utama dalam memastikan matlamat RFN Ke-2 dicapai adalah pertama dengan merangka kerja perancangan spatial bagi memastikan prasarana yang strategik untuk ekonomi dan persaingan global. Ini termasuk memastikan penyediaan infrastruktur yang lengkap dan efisien terutama pengangkutan awam.

Perkara mengenai alam sekitar khususnya perubahan iklim, kepelbagaian bio dan geo bencana diberi perhatian dalam RFN Ke-2.

Ini dapat dilihat melalui objektif kedua iaitu mengoptimalkan penggunaan tanah dan sumber asli secara mapan serta memulihara kepelbagaian bio. Sebagai menghargai khazanah alam sekitar, Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) perlu dipulihara dan diurus dengan mapan. RFN Ke-2 menekankan pemuliharaan KSAS termasuk kawasan pantai, kawasan tanah tinggi dan sumber air.

Mengalakkan pembangunan wilayah yang seimbang untuk mewujudkan pengintegrasian ekonomi dan perpaduan negara adalah objektif ketiga RFN Ke-2. Bagi merealisasikan objektif ini, kawasan desa perlu dimajukan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan masyarakat desa selaras usaha kerajaan 'Meneruskan Dasar Keadilan Sosial'. Pelbagai langkah perlu dilaksanakan termasuk penyediaan kemudahan dan infrastruktur asas secara

sistemik di pusat pertumbuhan desa. RFN Ke-2 juga mencadangkan satu dasar khusus bagi masyarakat Orang Asli supaya mereka tidak ketinggalan dari arus pembangunan negara.

Usaha meningkatkan kualiti hidup menjadi objektif keempat RFN Ke-2. Enam kunci utama telah digariskan untuk menjadikan sebuah bandar mempunyai kehidupan dan komuniti yang mapan. Enam kunci utama itu adalah sistem pengangkutan awam yang efisien, kemudahan untuk mendapatkan kediaman dengan harga dan jenis bersesuaian, persekitaran selamat dan bersih, kemudahan asas serta utiliti mencukupi, peluang pekerjaan bagi pekerja mahir, dan penubuhan pusat pengajian tinggi.

Objektif terakhir adalah untuk menyediakan kemudahan untuk orang awam mengadakan aktiviti interaktif sosial selari dengan konsep 1Malaysia.

MEMBENTUK satu rangka spatial negara yang efisien, saksama dan mapan bagi memandu pembangunan keseluruhan negara untuk mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020, adalah antara matlamat utama Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (RFN Ke-2).

Justeru, dalam usaha memastikan matlamat ini tercapai, ia perlu mengambil kira tonggak kerajaan termasuk Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Chor Chee Heung berkata RFN Ke-2 disediakan bagi memenuhi peruntukan yang terkandung dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mahukan RFN dikaji semula setiap lima tahun.

Ia juga katanya, selari dengan Kajian Semula Rancangan Malaysia Lima Tahun.

"RFN pertama disediakan pada 2006, manakala RFN Ke-2 disediakan sejak Februari tahun lalu dan diluluskan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2010. Kelulusan daripada Majlis Perancang Fizikal Negara diperoleh pada 13 Ogos 2010," katanya.

Menyingkap latar belakang RFN, ia adalah satu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar strategik bagi menentukan hala tuju am kemajuan fizikal dan pemuliharaan



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Wira Chor Chee Heung memeguk buku RFN Ke-2 selepas melancarkannya sempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2010 sambil disaksikan (dari kiri) Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Datuk Mohd Fadzil Mohd Khir; Timbalan Menteri KPKT, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin; Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Ahmad Kabit dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Datuk Hamisah Ariffin.

RFN Ke-2 pemacu pembangunan mapan

kualiti persekitaran perumahan

khususnya pembangunan

menteriemahkannya secara

kan hala tuju dan kemajuan fizikal dan pemuliharaan Semenanjung Malaysia. Pernyataan ini disokong oleh beberapa pelan indikatif.

Tujuan utama RFN adalah bagi mewujudkan satu perancangan guna tanah yang bersepadu dan mapan selaras dengan dasar negara yang lain.

Justeru itu, RFN disediakan selari dengan penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Lima Tahun supaya di antara keduanya saling lengkap melengkap. Segala cadangan yang terdapat dalam RFN adalah hasil dari rundingan antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Chor berkata antara fokus utama RFN Ke-2 adalah untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara dengan memastikan Malaysia mampu bersaing di peringkat global.

Katanya, aktiviti ekonomi asas bandar-perluah ditumpukan kepada *conurbation* yang juga kawasan tumpuan pembangunan dan berlebihan daya saing.

"Tumpuan perlu diberi kepada empat *conurbation* utama ia itu Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru dan Kuantan.

"Pada masa yang sama ia juga mengurangkan jurang perbezaan wilayah di mana kadar pertumbuhan ekonomi dalam Wilayah Ekonomi yang agak ketinggalan dipercepatkan dengan mengeksploitasikan

“Tanah pertanian yang produktif seperti kawasan jelapang padi dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan amat penting dikekalkan sebagai langkah menangani isu jaminan bekalan makanan”

Chor Chee Heung
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

sepenuhnya potensi dan kompetitif yang berkaitan, sebagai contoh menggalakkan pelancongan dan industri berasaskan sumber asli di Wilayah Pantai Timur," katanya.

Selain itu, katanya, RFN Ke-2 turut menumpukan kepada usaha pemuliharaan sumber pertanian dan pembangunan desa.

"Tanah pertanian yang produktif seperti kawasan jelapang padi dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan amat penting dikekalkan sebagai langkah menangani isu jaminan bekalan makanan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, RFN Ke-2 mencadangkan dasar baru mengenai kawasan padi



yang berpotensi di luar kawasan jelapang padi perlu dibekalkan dengan teknologi dan infrastruktur bersesuaian untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran makanan negara.

"Perkara ini juga ditekankan dalam RMK-10 yang mengenalpasti pertanian sebagai salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)," katanya.

Pengurusan penempatan manusia juga turut diutamakan dalam RFN Ke-2 dengan mengutamakan konsep pembangunan mapan di mana struktur bandar lebih padat perlu dibangunkan.

Sehubungan ini RFN Ke-2 menekankan pendekatan berbentuk penjanaan semula (*urban regeneration*), pembangunan kawasan lompong (*infill*) dan tapak guna semula (*brownfield*).

"RFN Ke-2 juga memperkenalkan satu dasar baru mengenai

kualiti persekitaran perumahan atau tempat tinggal. Bagi memupuk semangat 1Malaysia yang bersatu padu, perumahan mampu milik yang cukup dengan kemudahan bagi pembinaan komuniti mapan perlu disediakan dalam kawasan penempatan," katanya.

Dalam usaha mengahgairi khazanah alam sekitar, Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) perlu dipulihara dan diurus dengan baik. RFN Ke-2 menekankan pemuliharaan KSAS termasuk 'Central Forest Spine', kawasan pantai, kawasan tanah tinggi dan sumber air. *Central Forest Spine* (CFS) adalah tulang belakang bagi rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang berperanan menghubungkan semula kawasan hutan yang terputus, melindungi kawasan tadahan hujan berisiko tinggi dari bencana tanah runtuh dan banjir kilat serta memelihara kepelbagaian biologi.

Rancangan ini turut mengambil kira perubahan iklim. Satu dasar baru diperkenalkan supaya kesan perubahan iklim terhadap pelbagai aspek pembangunan dirangka dengan langkah mitigasi dan adaptasi terhadapnya dikenalpasti dan dilaksanakan," katanya.

Mengulas mengenai perbezaan utama antara RFN dan RFN Ke-2, Chor berkata konsep *Selective Concentration* dalam RFN pertama lebih menumpukan kepada pembangunan bandar

khususnya *conurbation*.

"Konsep *Concentrated Decentralisation* dalam RFN Ke-2 menganjurkan supaya pembangunan bukan saja tertumpu kepada *conurbation* tetapi lebih seimbang dengan tumpuan juga di lokasi terpilih dalam koridor pertumbuhan," katanya.

Justeru, katanya, pihak berharap kejayaan dasar dan strategi RFN Ke-2 bergantung kepada

menterjemahkannya secara berkesan di peringkat pelaksanaan.

"Oleh itu, saya berharap semua pihak termasuk agensi persekutuan dan negeri, pihak-pihak berkuasa tempatan dan swasta mengambil tindakan proaktif bagi menterjemahkan dasar RFN Ke-2 ini dalam pelan dan program yang sedang dan bakal dilaksanakan," katanya.

41 DASAR DAN 248 LANGKAH

Fungsi RFN Ke-2

- Memperkukuh perancangan negara dengan menyediakan dimensi fizikal kepada dasar ekonomi negara
- Menyelaras agensi sektoral dengan menyediakan pernyataan fizikal terhadap dasar sektoral
- Menyediakan rangka kerja bagi perancangan peringkat wilayah, negeri dan tempatan
- Menyediakan dasar perancangan fizikal

Matlamat RFN Ke-2

Pembentukan satu rangka spatial negara yang efisien, saksama dan mapan untuk memandu pembangunan keseluruhan negara ke arah mencapai taraf negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020

Lapan tema RFN Ke-2

- Pembentukan rangka spatial
- Peningkatan daya saing ekonomi negara
- Pemuliharaan sumber pertanian dan pembangunan desa
- Pembangunan pelancongan mampan
- Pengurusan penempatan manusia
- Pemuliharaan sumber asli, biodiversiti dan alam sekitar
- Menyepadukan rangkaian pengangkutan negara
- Penyediaan infrastruktur bersesuaian